



**17 JANUARI 2019  
PERBINCANGAN BERSAMA DIETITION**

- Perbincangan bersama dietition En.Hafiz Rosli bagi penganjuran program kesihatan staf. Ianya bertujuan untuk memberikan ilmu berkaitan penyediaan makanan sihat.
- Program ini juga merupakan inisiatif daripada Pusat Sukan ke arah gaya hidup sihat.

**23 JANUARI 2019**

**PENGHARGAAN KEPADA PENGURUS PASUKAN STAF DAN PENERIMA PINGAT SUKUM 2018 SEMPENA HI-TEA KSUTHM**

- Meraikan atlet-atlet staf di atas pencapaian dan kejayaan sukan 2018 bersempena Majlis Hi-Tea Kelab Staf UTHM pada 23 Januari 2019 bertempat di Dewan Sultan Ibrahim UTHM.
- Seramai 20 orang pengurus pasukan dan 5 penerima pingat SUKUM telah diraikan dalam majlis ini.
- Terima kasih diucapkan kepada KSUTHM di atas peluang dan ruang untuk meraikan staf yang terlibat dalam pembangunan sukan staf.



**17 HINGGA 31 JANUARI 2019  
SEWAAN FASILITI SUKAN**

- Berlangsungnya kejohanan-kejohanan sukan di sekitar venue sukan UTHM sepanjang bulan Januari 2019:
  - 07 Januari 2019 - SK Ayer Hitam (Stadium)
  - 22-23 Januari 2019 - MSSC Ayer Hitam (Stadium)
  - 24 Januari 2019 - SK Parit Bilal (Stadium)
  - 27-28 Januari 2019 - MSSC Bandar (Stadium)
  - 29-31 Januari 2019 - MSSC Parit Raja (Stadium)
  - 29 Januari 2019 - MSSC Penggaram (Hoki)
  - 31 Januari 2019 - MSSC Yong Peng (Hoki)

**12 FEBRUARI 2019  
PERHIMPUNAN KECERGASAN UTHM**

- Perhimpunan Kecergasan UTHM Bil. 1, 2019 anjuran Pusat Sukan dengan kerjasama Pejabat Pendaftar.
- Aktiviti ini merupakan aktiviti bulanan yang bertujuan untuk melahirkan warga UTHM yang sihat dan cergas.





## 14 FEBRUARI 2019 POWER WALK & PLOGGING ANJURAN HEPA

Aktiviti Powerwalk & Plogging HEPA 2019 telah dilaksanakan secara bersama di antara PTJ di bawah portfolio Pejabat Timbalan Naib Canselor (HEPA). Aktiviti yang telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Prof. Madya Dr. Afandi Ahmad, Timbalan Naib Canselor (HEPA) UTHM ini melibatkan laluan sejauh 2 km (4,400 langkah) bermula di Stadium UTHM menuju ke Tasik Kemajuan dan berakhir semula di laluan Stadium UTHM.

## 14 FEBRUARI 2019 KARNIVAL SUKAN SEMPENA MINGGU TRANSFORMASI MAHASISWA UTHM

- Pusat Sukan telah menganjurkan Karnival Sukan sempena Minggu Transformasi Mahasiswa UTHM yang melibatkan 4 acara sukan iaitu bola jaring, fit soccer, penalty shoot-out dan olahraga yang mewakili rumah biru, merah, hijau dan kuning. Tahniah diucapkan kepada Pasukan Kuning yang telah dinobatkan sebagai Juara Keseluruhan



## 15 FEBRUARI 2019 COACHING COURSE LEVEL 1

- Tahniah diucapkan kepada Penolong Jurulatih Pasukan Futsal UTHM, En. Muhammad Safwan Hakim yang telah menyertai AFC Goalkeeper Coaching Course Level 1 yang berlangsung di Wisma FAM. Kursus 5 hari anjuran FAM/AFC ini merupakan yang pertama kali diadakan. Safwan juga merupakan alumni UTHM yang merupakan antara watak penting siri kejayaan Pasukan Futsal Lelaki UTHM yang layak ke Liga Super Futsal IPT 2019.

## 12 FEBRUARI 2019 GOTONG ROYONG MEMBERSIKHKAN KAWASAN PUSAT SUKAN

- Pusat sukan telah mengambil inisiatif mengadakan aktiviti gotong royong membersihkan kawasan Pejabat Pusat sukan. Gotong royong ini telah disertai oleh semua staf Pusat Sukan.





**17 HINGGA 27 FEBRUARI 2019  
SEWAAN FASILITI SUKAN**

- Berlangsungnya kejohanan-kejohanan sukan di sekitar venue sukan UTHM sepanjang bulan Februari 2019 :
- 17-18 Februari 2019 - MSSC Yong Peng (Stadium)
- 19-20 Februari 2019 - MSSD Kluang (Hoki)
- 20 Februari 2019 - PPD Pendidikan Khas (Stadium)
- 23 Februari 2019 - Raja United FC (Stadium)
- 24-27 Februari 2019-MSSD Batu Pahat (Stadium)

**23 FEBRUARI 2019  
KEJOHANAN PETANQUE TERBUKA IPHTO 2019**

- Tahniah diucapkan kepada Pasukan Petanque UTHM yang telah menyertai Kejohanan Petanque Terbuka IPTHO 2019 pada 23/2/2019.
- Pasukan UTHM telah menghantar penyertaan sebanyak 6 pasukan bagi kategori Double Open. Sebanyak 52 pasukan di sekitar Negeri Johor yang telah mengambil bahagian dalam kejohanan pada kali ini.



**23 FEBRUARI 2019  
LIGA RAGBI JOHOR**

- Perlawangan pertama Pasukan Ragbi UTHM bagi Kejohanan Liga Ragbi Johor 2019 telah berlangsung pada 23/2/2019 anjuran Kesatuan Ragbi Negeri Johor.
- Keputusan perlawangan adalah seperti berikut:  
KKTM Ledang (20) vs (18) UTHM Batu Pahat

**21 HINGGA 24 FEBRUARI 2019  
KEJUARAAN SILAT KEBANGSAAN PERINGKAT NEGERI  
JOHOR**

- Pesilat UTHM telah menyertai Kejuaraan Silat Kebangsaan Peringkat Negeri Johor 2019 pada 21 hingga 24 Feb 2019 bertempat di Dewan Jubli, Kluang anjuran Pesaka Daerah Kluang.
- Pasukan telah berjaya membawa pulang 3 Emas dan 2 Perak.





**24 FEBRUARI 2019  
SESI SENAMAN SEMPENA GOTONG ROYONG PERDANA  
SAYANGI UTHM**

- Pusat Sukan diberi tanggungjawab untuk mengendalikan sesi senaman bagi Program Perhimpunan Bulanan dan Gotong Royong Perdana Sayangi UTHM.

**23 HINGGA 24 FEBRUARI 2019  
10TH SILENT KNIGHT INTERNATIONAL KARATE CUP  
2019**

- Atlet Karate UTHM, Tan Huiling telah berjaya memenangi pingat dalam Kejohanan 10th Silent Knight International Karate Cup 2019, Kuala Lumpur . Berikut adalah pencapaian yang diraih:
- Pingat Perak :Acara Kata Individu Wanita
- Pingat Perak :Acara Kata Berpasukan Wanita



**24 FEBRUARI 2019  
BENGKEL PENGURUS DAN PENYELARAS  
PASUKAN UTHM**

- Bengkel Pengurus dan Penyelaras Sukan telah dianjurkan pada 24 Februari 2019 bertempat di Dewan Al-Farabi, Pusat Islam.
- Melalui bengkel ini, peserta telah diterangkan berkaitan proses kerja dan perancangan pasukan dalam menjalankan pembangunan pasukan bagi tahun 2019 ini.

